

# 13 bayi pelbagai kaum labur ASM

BH 29 APR 2000

**GEORGETOWN, Jumaat** – Seramai 13 bayi berusia enam bulan melabur dalam skim Amanah Saham Malaysia (ASM) setakat ini, selepas saham amanah terbaru Permodalan Nasional Berhad (PNB) itu dilancarkan pada 20 April lalu.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Hamad Kama Piah Che Othman, berkata mereka meliputi pelbagai kaum iaitu masing-masing enam bayi Melayu dan Cina serta seorang India.

“Ini suatu kesedaran di kalangan ibu bapa membuat pelaburan untuk masa depan anak masing-masing dalam saham amanah,” katanya ketika mengumumkan jumlah bayi berusia enam bulan yang layak melabur dalam ASM sempena majlis pelancaran saham itu peringkat Pulau Pinang, di Hotel Shangri-La, di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan jumlah pelaburan yang dibuat se-

mua bayi terbabit, tetapi yakin jumlah itu akan bertambah berdasarkan sambutan pelaburan semasa ASM.

Pelancaran itu disempurnakan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalid Ramli dan Pengurus Besar

Bahagian Perkhidmatan Korporatnya, Jamiah Abdul Hamid.

ASM terbuka kepada semua rakyat Malaysia berumur enam bulan ke atas dan ia ditawarkan pada harga tetap iaitu RM1 seunit.

Pulau Pinang adalah negeri pertama dikunjungi oleh PNB dalam siri pelancaran ASM peringkat negeri di seluruh negara, selepas ia dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur, minggu lalu.

Dalam tempoh seminggu sejak dilancarkan ia memperoleh pelaburan melebihi RM1 bilion berbanding sasarannya sejumlah RM2 bilion.

Hamad berkata, purata pelaburan daripada orang ramai dalam ASM ketika ini adalah kira-kira RM 180 juta sehari.

“Pulau Pinang saja mengumpul sejumlah RM69 juta membabitkan seramai 12,914 pelabur,” katanya